

## FUN WALK WITH PTA 2023

5 SEPTEMBER 2023

Disediakan oleh: Sazlina Saleh

BULETIN

IQRA

PERPUSTAKAAN TENGKU ANIS  
KAMPUS MACHANG, KELANTAN



September 2023, Selasa – Perpustakaan Tengku Anis (PTA) UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) Kampus Machang telah menganjurkan Program “Fun Walk With PTA 2023” bersempena kemerdekaan tahun 2023 yang akan diadakan di sekitar kampus Machang kepada semua staf PTA Kampus Machang.

Objektif bagi program ini adalah untuk:

1. Memantapkan semangat kemerdekaan dalam kalangan staf PUiTM Cawangan Kelantan.
2. Membudayakan aktiviti berteraskan kesihatan fizikal dalam kalangan staf.
3. Meningkatkan idea dan kreativiti staf dalam merealisasikan kehidupan masa depan dengan menitik beratkan kesihatan jasmani.
4. Meningkatkan semangat kesukuanan dalam kalangan staf PUiTM Cawangan Kelantan.

Program dimulai dengan senaman ringkas yang diketuai oleh Encik Hamizur Hussin, Pembantu Pustakawan Kanan serta dibantu oleh pelajar-pelajar latihan industri PTA dan seterusnya taklimat ringkas mengenai program oleh pengarah program iaitu Encik Nik Mohd Faizal Ibrahim, Pembantu Operasi.

Program ini telah berjalan dengan jayanya dan diharapkan agar ianya dapat memberi kesedaran kepada warga PTA tentang kecerdasan bagi setiap individu amat penting dan dengan kesihatan yang baik dapat menjalankan tugas dengan produktif.

